

MB Pahang arah Jabatan Perhutanan siasat dakwaan kemusnahan Ulu Tembeling

Pembalakan dihenti serta-merta

Oleh LUQMAN HAKIM AB. RAHIM

KUANTAN - Kerajaan negeri mengarahkan kerja penerokaan hutan dan pembalakan di wilayah hulu Sungai Pahang dihentikan serta-merta bagi memudahkan Jabatan Perhutanan melakukan siasatan berhubung kemusnahan alam sekitar yang kini menjejaskan Taman Negara dan Sungai Pahang.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob (**gambar kecil**) berkata, hasil laporan siasatan oleh Jabatan Perhutanan akan diteliti sebelum tindakan seterusnya diambil bagi memastikan tidak berulang masalah kemusnahan alam sekitar seperti dilaporkan.

"Arahan penangguhan ini berkuat kuasa serta-merta dan siasatan akan dijalankan untuk memastikan tidak wujud gangguan serta pencemaran kepada alam sekitar terutama sungai yang berdekatan," kata beliau selepas mempengerusikan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Yayasan Pahang di sini semalam.

Menurut beliau, siasatan yang dibuat dijangka mengambil masa kerana ia rumit menyebabkan semua pihak perlu sabar menunggu hasil laporan

Arahan berkuat kuasa serta-merta dan siasatan dijalankan untuk memastikan tidak wujud gangguan serta berulangnya pencemaran alam sekitar terutama sungai

ADNAN YAAKOB



KERATAN Kosmo! 28 Julai 2015.

daripada Jabatan Perhutanan.

Adnan berkata demikian bagi mengulas laporan khas *Kosmo!* mengenai aktiviti penerokaan hutan yang berlebihan di hulu Sungai Pahang yang didakwa menjadi punca utama beberapa kawasan di sungai tersebut hampir kering.

Tinjauan *Kosmo!* di Taman Negara Kuala Tahan dan Ulu Tembeling baru-baru ini jelas dapat melihat aktiviti pembalakan yang agresif berlaku di sekitar kawasan hutan simpan Tekai dan hutan simpan Tembeling.

Mengulas lanjut, Adnan

mengesahkan tujuh lesen dikeluarkan oleh kerajaan negeri untuk aktiviti pembalakan di kawasan hulu Sungai Pahang dan salah satu lesen tersebut dimiliki oleh Yayasan Pahang.

Bagaimanapun, lesen aktiviti penerokaan dan pembalakan itu terletak di luar kawasan Taman Negara Kuala Tahan dan Ulu Tembeling.

Kata beliau, bagi tujuan pemeliharaan alam sekitar, kerajaan negeri telah menetapkan zon penampungan dalam jarak 1.5 kilometer antara kawasan penerokaan dengan sungai serta hutan.



KEGIATAN pembalakan dipercayai mengakibatkan sungai di sekitar kawasan Ulu Tembeling tercemar ketika tinjauan dibuat wartawan *Kosmo!* di kawasan Ulu Tembeling Jerantut, Pahang baru-baru ini.